



Headline: Rugi RM10,300 akibat ditipu Sarjan Adam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 16 February 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 10

Rugi RM10,300 akibat ditipu 'Sarjan Adam'

KUANTAN - Seorang guru tabika rugi RM10,300 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam, kononnya dia terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, wanita berusia 32 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon daripada sebuah bank di ibu negara berhubung tunggakan bayaran balik pinjaman kelmarin.

"Panggilan itu kemudiannya disambung ke Balai Polis Seri Kembangan, Selangor dan mangsa diarahkan bercakap dengan 'Sarjan Adam'.

"Sarjan Adam meminta mangsa membayar RM10,300 jika mahu kes ditutup dan mangsa membuat bayaran sebanyak lima kali," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mangsa membuat laporan polis selepas berasa dirinya ditipu.

Dalam kes berasingan, beliau berkata, seorang peniaga dalam talian rugi RM23,700 ditipu sebuah syarikat pemberi pinjaman kewangan yang tidak wujud.

Mangsa berusia 36 tahun berhasrat membuat pinjaman RM30,000 selepas dihubungi oleh ejen syarikat tersebut pada 27 Januari lalu.

"Mangsa membuat bayaran lapan kali (bayaran proses pinjaman), namun tidak menerima wang," katanya. - Bernama

